

Tanda taubat diterima, hati sudah tawar untuk mengulangi dosa

TM

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

2012 | PP 15048/05/2013 (032162) |

• MOTIVASI • FARDU AIN •



ISU No.

46

Kisah Labu dan Butang Baju

Anas bin Malik ra. menceritakan: "Seorang tukang jahit mengundang Rasulullah s.a.w. menghadiri satu jamuan yang hidangan tersebut dimasak sendiri olehnya. Saya menemani Rasulullah s.a.w. menghadiri jamuan tersebut. Tuan rumah mendekati kepada Baginda s.a.w. roti serta kuah berisi labu dan daging. Saya melihat Baginda mencari-cari labu di dalam mangkuk tersebut. Maka sejak itu saya menyukai labu."

Selanjutnya di hlm. 67



> Syukur Kita Dapat Melihat

hlm. 92

> Rujuk Melalui SMS?

hlm. 76

> Catatan Rihlah di Bumi al-Quds

hlm. 32

> Allah Takdirkan Saya Buat Maksiat?

hlm. 101

Taubat sebelum Terlambat



Orang yang boleh segera bertaubat hanyalah orang yang merasakan keagungan Allah, takut kepada-Nya dan mengharapkan keampunan-Nya. Bukan kerana takut penyakit, atau sudah tidak berupaya atau tidak bertenaga, atau untuk selamat daripada dipenjarakan atau takut dihukum, tetapi taubat yang ikhlas semata-mata kerana Allah.

ISSN 1985-5400



9 771985 540003

TELAGA BIRU SDN. BHD.

> 46
RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (S/S)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50




AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
(Incorporated in Malaysia)



Imbas kod untuk ke Facebook Majalah Solusi

Sebuah terbitan
Telaga Biru



Allah Takdirkan Saya Melakukan **Maksiat?**

Orang yang berjudi berhujah bahawa maksiat yang dilakukannya adalah kerana ia qadar Allah. Orang yang berzina berhujah bahawa ia qadar Allah. Persoalannya, adakah harus dan wajar untuk kita beralih dengan dasar qadar Allah terhadap maksiat yang kita lakukan?

Apabila kita melakukan maksiat, langkah terbaik yang perlu dilakukan ialah segera ingat kepada Allah dan beristighfar memohon keampunan-Nya. Namun, ada kefahaman yang mendakwa maksiat dan dosa yang dilakukan adalah ketentuan Allah.

Dengan kata lain, kejahatan yang dilakukan itu disebabkan Allah sudah menetapkan kita melakukan maksiat. Oleh sebab itu, tiada perkara yang perlu disesalkan kerana ia berlaku dengan qadar Allah. Ini bermakna Allah mengetahui tentang maksiat tersebut, lalu Allah menetapkannya dan berkehendak maksiat itu berlaku.

Contohnya, orang yang bermain judi berhujah bahawa maksiat yang dilakukannya adalah kerana ia qadar Allah. Insan

yang berzina juga berhujah bahawa ia qadar Allah. Persoalannya, adakah harus dan wajar untuk kita beralih dengan dasar qadar Allah terhadap maksiat yang kita lakukan?

Tindakan orang yang beralih dengan qadar bagi maksiat yang dilakukan sebenarnya sudah dirakamkan dalam al-Quran. Golongan Musyrik yang menyembah selain Allah berhujah bahawa kesyirikan itu berlaku kerana kehendak Allah.

Firman Allah s.w.t., maksudnya: "Orang yang mempersekutukan Tuhan akan mengatakan: 'Jika Allah menghendaki, nescaya kami dan bapa-bapa kami tidak mempersekutukan-Nya dan tidak (pula) kami mengharamkan sesuatu apa pun.' Demikian pula orang sebelum mereka telah mendustakan (para rasul) sehingga mereka merasakan seksaan Kami. Katakanlah: 'Adakah kamu mempunyai (sesuatu keterangan berdasarkan) ilmu supaya dapat kamu mengemukakannya kepada kami? Kamu tidak mengikuti kecuali

sangkaan belaka, dan kamu tidak lain hanyalah berdusta.” (Surah al-An'am 6: 148)

Berdasarkan ayat ini, golongan Musyrik berhujah bahawa kesyirikan itu berlaku dengan kehendak Allah. Mereka mengharamkan sesuatu yang haram kerana ia kehendak Allah. Kehendak Allah pula ialah satu peringkat dalam qadar. Oleh sebab itu, segala maksiat yang berlaku adalah kerana ketetapan qadar Ilahi dan seseorang itu tidak perlu menyesal atas maksiatnya.

Kesalahan dalam Fahaman Ini

Pola kefahaman bahawa maksiat berlaku kerana kehendak, izin dan ketetapan qadar Ilahi adalah salah. Kesalahan-kesalahan kefahaman ini seperti:

1. Tiada beza di sisi Allah golongan yang baik dan golongan yang jahat.

Semua golongan sama. Golongan baik melakukan kebaikan kerana ia qadar Ilahi manakala golongan jahat melakukan dosa dan maksiat kerana ia ketetapan Ilahi. Maka, bagaimana dengan nas al-Quran yang membezakan antara golongan beriman dengan tidak beriman dalam firman Allah, maksudnya: "Patutkah Kami menganggap orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh sama dengan orang yang berbuat kerosakan di muka bumi? Patutkah (pula) Kami menganggap orang yang bertakwa sama dengan orang yang berbuat maksiat?" (Surah Sad 38: 28)

2. Jika penetapan qadar terhadap perkara yang akan berlaku menjadi hujah dan alasan bagi golongan yang melakukan maksiat, maka Allah telah melakukan kezaliman.

Ini kerana Allah telah menghukum beberapa kaum terdahulu. Contohnya Firaun yang mati tenggelam kerana dosanya membunuh, mengaku menjadi tuhan dan sebagainya. Begitu juga kaum Nabi Nuh yang tenggelam di dalam banjir, kaum Nabi Lut yang mati dimusnahkan kerana dosa homoseksual dan contoh-contoh lain. Mereka telah melakukan maksiat, maka jika penetapan qadar boleh menjadi keuzuran, maka Allah telah menzalimi kerana telah menghukum mereka.

Sedangkan Allah tidak pernah zalim.

Kezaliman bukanlah sifat Allah walaupun sedikit. Firman Allah yang bermaksud: "Dan Kami tidak menganiaya mereka, tetapi merekalah yang menganiaya diri mereka sendiri." (Surah Hud 11: 101)

Dalam firman yang lain, Allah menyatakan yang bermaksud: "Maka masing-masing (mereka daripada kaum itu) Kami binasakan disebabkan dosanya, iaitu antaranya ada yang Kami timpakan kepadanya hujan batu kerikil, dan antara mereka ada yang ditimpa suara keras yang mengguntur, dan antara mereka ada yang Kami benamkannya ke dalam bumi, dan antara mereka ada yang Kami tenggelamkan. Dan (ingatlah) Allah sekali-kali tidak menganiaya mereka, tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri." (Surah al-Ankabut 29: 40)

3. Golongan yang berhujah dengan qadar Ilahi atas maksiat yang berlaku sudah tentu tidak rela jika mereka dicaci, dihina, ditipu, ditumbuk dan sebagainya.

Apabila mereka dicaci dan dihina, maka mereka akan menuntut agar cacian dan hinaan ditarik balik. Jika tidak, mereka akan mengemukakan saman malu di mahkamah. Maka ketika ini amat wajar

orang yang mencaci itu berhujah bahawa cacian itu adalah ketetapan Ilahi. Orang yang menumbuk seseorang pula berhujah bahawa Allah yang mentakdirkan dia menumbuk mangsanya, bukannya dia sendiri ingin menumbuk orang tersebut.

Adakah seseorang akan menerima kaedah ini apabila terkena batang hidungnya sendiri? Sudah tentu tidak.

4. Sifat menisbahkan kesalahan dan maksiat sendiri kepada Allah dan qadar Ilahi merupakan sifat iblis.

Iblis tidak mengakui kesalahan yang dilakukannya, sebaliknya menyatakan Allah yang menetapkan ia melakukan maksiat. Nas al-Quran menyatakan, maksudnya: "Iblis berkata: 'Wahai Tuhanku, oleh sebab Engkau telah memutuskan bahawa aku sesat, pasti aku akan menjadikan mereka memandang baik (perbuatan maksiat) di muka bumi, dan pasti aku akan menyesatkan mereka semuanya.'" (Surah al-Hijr 15: 39)

Oleh sebab itu, amat tidak wajar untuk orang Islam yang melakukan maksiat berhujah bahawa ia ketetapan qadar Ilahi kerana ia merupakan sifat iblis. ❏



Siap atau Sempurna?

Apakah perbezaan antara "sudah siap" dan "sudah sempurna"? Ada perbezaan besar antara kedua-duanya. Sudah siap tidak semestinya sempurna, tetapi jika sudah sempurna, itu tandanya sudah siap.

Pencapaian kerjaya seseorang diukur dengan KPI (*Key Performance Index*). Kualiti sesuatu produk pula boleh dipantau oleh SIRIM. Kemantapan pengurusan sesebuah institusi boleh disahkan oleh ISO. Namun, **kualiti ibadah**, mampukah kita nilai sebelum ditimbang di mizan?

Apa kata kita laksanakan satu konsep yang mudah; **sempurnakan ibadah**, bukan sahaja melaksanakan sehingga selesai. Itulah yang akan menentukan kualiti ibadah kita terjaga.

Apa salahnya cerewet sedikit dengan kualiti dan kuantiti ibadah kita. Untuk masuk ke dalam syurga bukannya percuma bukan? Kita perlu "membayarinya" dengan "harga" tertentu terlebih dahulu di dunia. Lebih baik bersusah-susah dahulu di dunia, agar dapat bersenang-senang kemudian di akhirat. Jangan pula merana dek bersenang-senang dahulu di dunia, bersusah-susah kemudian di akhirat. Nauzubillah.

Mulai saat ini, pastikan ibadah kita sempurna; sebelum, semasa dan juga selepasnya. Sebelum dengan niat yang ikhlas dan ilmu yang mencukupi, semasa dengan penghayatan ibadah yang luar biasa dan seterusnya diakhiri dengan rasa takut dan berharap yang seimbang.



Lulusan diploma KUSZA, Sarjana Muda Universiti al-Azhar, Kaheerah dan Ijazah Sarjana dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Juga mempunyai pengalaman pengajian di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan. Kini pensyarah di UIAM. Boleh dihubungi di e-mel: nidium@yahoo.com.

MAD NIZAM ABD. KADIR